

Wang tak dituntut dikredit ke Akaun Hasil Disatukan selepas 10 tahun

Oleh [Zanariah Abd Mutalib](mailto:zanariah_mutalib@bh.com.my) - Mac 27, 2024 @ 10:11am
zanariah_mutalib@bh.com.my



Foto hiasan.

KUALA LUMPUR: Wang tidak dituntut (WTD) akan dipindahkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan selepas tempoh 10 tahun daripada tarikh ia dikreditkan ke dalam Akaun Amanah Disatukan.

Ia susulan pindaan ke atas subseksyen 11(2) Akta 370 bagi tujuan mengurangkan tempoh wang tak dituntut yang dikreditkan ke Akaun Amanah Disatukan (setakat yang wang tak dituntut itu belum dibayar daripada Akaun Amanah Disatukan di bawah Bahagian II Akta 370) daripada 15 tahun kepada 10 tahun.

Sekiranya rang undang-undang ini diluluskan di Dewan Rakyat, jumlah WTD yang akan dipindahkan ke Akaun Hasil Disatukan mencecah RM1.98 billion pada awal pelaksanaan.

Semalam Rang Undang-Undang (RUU) Wang Tak Dituntut (Pindaan) 2024 diluluskan di Dewan Rakyat yang akan memastikan operasi pengurusan WTD dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan.

| DISYORKAN UNTUK ANDA

- **Pindaan Akta 370 diluluskan, pastikan pengurusan wang tak dituntut lebih cekap**
- **Pindaan RUU Wang Tak Dituntut dibentang**
- **Pindaan Akta SUHAKAM wajib wakil OKU, 30 peratus wanita dilantik anggota**
- **RUU Perlembagaan (Pindaan) 2024 dibentangkan di Dewan Rakyat**
- **DUN Perak lulus RUU Enakmen Wasiat Orang Islam**
- **Saifuddin bentang RUU Perlembagaan (Pindaan) 2024 berkaitan kewarganegaraan**
- **Dewan Negara lulus RUU Kawalan Produk Merokok**
- **Pindaan AUKU: KPT perlu perincian tempoh lantikan MPP**

Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying, berkata RUU itu juga dapat meningkatkan pematuhan syarikat/ firma terhadap Akta Wang Tak Dituntut (Akta 370) dan mempamerkan mesej yang jelas mengenai komitmen kerajaan dalam memperkukuhkan tadbir urus WTD.

"Selain itu, pindaan itu juga akan selaras dengan keperluan semasa demi menjaga kepentingan orang awam, terutama empunya WTD.

"Cadangan pindaan itu juga akan dapat meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam dan menjimatkan perbelanjaan kerajaan untuk tempoh jangka sederhana dan panjang," katanya ketika bacaan kali kedua RUU itu di Dewan Rakyat, semalam.

Hui Ying berkata, pindaan Akta 370 yang terkandung dalam RUU itu membabitkan peruntukan di bawah beberapa Fasal.

Selain subseksyen 11(2) Akta 370, pindaan turut meliputi Fasal 3 membabitkan kemasukan seksyen baharu 2a bagi memperuntukkan skop WTD berbangkit daripada pemotongan takrif

"unclaimed moneys" di bawah seksyen 8 Akta 370.

Seksyen baharu 2a yang dicadangkan itu juga bertujuan memperuntukkan bahawa WTD perlu dibayar kepada pemunya selepas wang itu menjadi kena dibayar daripada satu kepada dua tahun.

Pindaan seksyen 5 dan 6 Akta 370 di bawah Fasal 5 dan 6 bertujuan memperuntukkan hanya Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar yang dilantik Menteri sebagai orang yang bertanggungjawab bagi menguruskan WTD dan Sekuriti Tak Dituntut (STD).

"Selain itu, pindaan subseksyen 10a (1) di bawah Fasal 9 memperuntukkan daftar wang tak dituntut yang mengandungi butir-butir WTD yang dipegang syarikat atau firma yang kekal tidak dibayar sehingga ke hari terakhir Disember tahun yang sebelumnya, perlu disiarkan melalui perantara elektronik atau secara penyampaian elektronik.

"Kaedah pewartaan sedia ada membebankan kerajaan, yang mana purata kos pewartaan adalah RM10.5 juta setahun dan kos terkini mencecah sehingga RM15.5 juta pada 2023 dapat diijamatkan dengan pindaan itu," katanya.